

04 SEP 2002

Liow-MCA

DR LING PERLU IKUT NASIHAT PM, KATA LIOW

KUANTAN, 4 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik perlu menerima nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad supaya rundingan dijalankan sebelum pelantikan Jawatankuasa Displin parti dibuat.

Setiausaha Agong Pemuda MCA, Liow Tiong Lai berkata langkah itu wajar dilaksanakan bagi menjaga perpaduan, mengukuhkan parti dan Barisan Nasional.

Oleh itu saya berharap Presiden MCA menerima nasihat Perdana Menteri supaya mengadakan rundingan dengan semua pihak sebelum sebarang pelantikan dibuat, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai keputusan Jawatankuasa Pusat MCA pada 29 Ogos lepas yang tidak melantik semula Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek sebagai pengerusi Jawatankuasa Displin parti itu dilaporkan sebagai berkata bahawa oleh kerana Lim terlibat dengan masalah, tentulah tidak sesuai untuknya menjadi Pengerusi Jawatankuasa itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dilaporkan berkata bahawa pada masa yang sama, sepatutnya ada rundingan antara pihak-pihak berkenaan berhubung siapa yang patut berada dalam jawatankuasa itu.

Liow berkata pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Displin yang baru oleh Jawatankuasa MCA pusat baru-baru ini jelas menunjukkan ia berat sebelah dan tidak mengikut pelan damai yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri.

Menurutnya kepentingan sesuatu kem perlu dikurangkan apabila MCA melaksanakan pelan damai itu dan jika terdapat pihak yang membuat keputusan yang berat sebelah, ia tidak akan adil kepada pihak lain dalam parti.

"Ianya tidak adil kepada mana-mana pihak kerana menggunakan majoriti dalam Jawatankuasa Pusat, ini tentunya akan memecah belahkan parti.

"Oleh itu saya berpendapat yang penting semangat pelan damai itu perlu dilaksanakan, perlu dihormati dan adalah untuk kebaikan parti dan kekukuhan parti adalah untuk kekuatan Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA

HIS LAT